

TENGKU Permaisuri Norashikin melakukan gimik perasmian dengan meletakkan pokok bunga orkid *Vanilla Norashikiniana* di Taman Rimba Komanwel, Bukit Lagong, Rawang, Selangor.

Rawang: Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan merasmikan Ekspedisi Saintifik Biodiversiti Diraja Taman Negeri Selangor Bukit Fraser.

Baginda turut melancarkan dua buku dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjudul *Enchanted Orchids of Fraser's Hill* dan *Wonders of Malaysian Orchids: Unveiling Vanilla Norashikiniana* serta buku dari Taman Eko Rimba (TER) Komanwel *Reflections 25 Years Of The Commonwealth Eco Forest Park*.

Majlis perasmian ekspedisi dan pelancaran buku itu diadakan di TER, semalam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Perhutanan Selangor, objektif utama ekspedisi itu adalah mengumpul, mendokumentasikan dan menjalankan ka-



Rasmi ekspedisi biodiversiti

jian saintifik ke atas kepelbagaian biologi, tumbuhan ornamental dan tumbuhan ubatan yang terdapat di sekitar Bukit Fraser.

Kata kenyataan itu lagi, penemuan spesies orkid liar yang diberi nama sempena Tengku Permaisuri Selangor adalah satu kebanggaan kepada rakyat Selangor kerana spesies orkid itu adalah en-

demik yang hanya terdapat di negeri itu saja.

“Pemasyhuran Bunga Orkid *Vanilla Norashikiniana* disempurnakan pada 3 November 2017 dan dari situ terbit buku *Wonders Of Malaysia Orchids: Unveiling Vanilla Norashikiniana*.’

“Pokok orkid itu ditanam di Chenta Anggerik, TER dan di Taman Konservasi Orkid

Liar Tengku Norashikin, Fraser's Hill. Taman ini menjadi pusat konservasi orkid liar dari kawasan pergunungan di Malaysia dan akan menjadi tempat pengembangan penyelidikan orkid yang akan dibangunkan dengan kerjasama pakar dari UPM dan penyelidik dari seluruh negara dan antarabangsa,” kata kenyataan itu.